Nilai Bahagian Kerja Yang Telah Siap : RM

Nilai Baki Kerja Yang Belum Siap : RM

Ulasan-ulasan mengenai Prestasi Kontraktor:

(Nyatakan apa-apa kepujian dan/atau kelemahan kontraktor dan juga apa-apa tindakan/perakuan yang diambil/dipertimbang berhubung dengan prestasi Kontraktor melaksanakan Kontrak)

Tandatangan Penyelia Projek :

Nama :

Jawatan :

Tarikh:

SENARAI JENTERA/PERALATAN

Kontraktor **WAJIB** untuk menyediakan peralatan seperti berikut:

No	Jentera/peralatan	Bil. yang di miliki	Bil. yang perlu disediakan	No. Pendaftaran/ No. Rujukan
A) Jentera/kenderaan				
1	Lori Skylift *		1	
2	Lori 'Open Tipper' 3 Tan*		2	
3	'wood chippers'		1	
4	JCB*		1	
B) Peralatan				
1	Chainsaw		5	
C) Keselamatan				
1	Kon keselamatan		10	
2	Lampu keselamatan		5	
3	Papan tanda keselamatan		4	
4	Pakaian keselamatan ***		6	
D) Penyelia khas				
1	Ahli "Certified Arborist" **		1	

* Salinan geran kenderaan perlu dilampirkan bersama

** Salinan sijil arboris perlu dilampirkan bersama

*** Bergantung bilangan pekerja

SENARAI KUANTITI

**MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT
SELANGOR DARUL EHSAN**

TAJUK KERJA : KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP DI DATARAN BANTING, LALUAN PEJALAN KAKI TAMAN CEMPAKA KE DATARAN BANTING, KAWASAN SEPANJANG JALAN SULTAN ALAM SHAH, JALAN KEMBOJA 33, PERSIARAN MAJLIS HINGGA KE SMK BANDAR BANTING, TAPAK PASAR TANI DAN TANDAS AWAM PERSIARAN MAJLIS, JALAN CEMPAKA HARUM 1, KUALA LANGAT

A) Perincian Lokasi :

Bil	Lokasi Yang Perlu Diselenggara	Jumlah Pokok	Jumlah Renek	Rumput (M2)	Bahu jalan (M2)
1.	Dataran Banting.	-	1,176	12,338	9,118
2.	Laluan pejalan kaki Taman Cempaka ke Dataran	-	-	164	-
3.	Sepanjang Jalan Sultan Alam Shah	11	1,406	372	989
4.	Jalan Kemboja 33	16	150	-	-
5.	Persiaran Majlis dan persekitaran sehingga ke SMK Bandar Banting <ul style="list-style-type: none"> - Gerai makan 10 dan 4 unit - Tempat letak kereta depan MDKL - Kawasan tandas dan tapak kedai PLB - Kawasan buffer zone kelapa sawit - Kawasan buffer zone Taman Budiman - Kuarters Persiaran Majlis 	94	2,522	3,490	1,125
6.	Tapak Pasar Tani dan Tandas Awam Persiaran Majlis	-	150	-	2,000
7.	Jalan Cempaka Harum 1	10	559	-	-
	JUMLAH KESELURUHAN	131	5,963	16,364	13,232

SENARAI KUANTITI

NO. KONTRAK : MDKL/JL/SH.28/2017

TAJUK KERJA : KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP DI DATARAN BANTING, LALUAN PEJALAN KAKI TAMAN CEMPAKA KE DATARAN BANTING, KAWASAN SEPANJANG JALAN SULTAN ALAM SHAH, JALAN KEMBOJA 33, PERSIARAN MAJLIS HINGGA KE SMK BANDAR BANTING, TAPAK PASAR TANI DAN TANDAS AWAM PERSIARAN MAJLIS, JALAN CEMPAKA HARUM 1, KUALA LANGAT

BIL	PERIHAL/BAHAN	UNIT	KUANTITI	HARGA SEUNIT	JUMLAH SEBULAN
	<p>NOTA: Kontraktor/pemborong adalah dinasihatkan melihat keadaan tapak terlebih dahulu sebelum mengemukakan harga tawaran. Perlu menyediakan sekurang-kurangnya ENAM (6) orang tenaga kerja mahir beserta peralatan dan bahan-bahan yang berkaitan untuk menjalankan kerja-kerja landskap lembut dan kerja-kerja pembersihan. (tidak termasuk pemotongan rumput dan penyiraman. Kontraktor/pemborong juga perlu merujuk spesifikasi kerja seperti di dalam dokumen sebutharga.</p>				
1.0	KERJA-KERJA AWALAN				
1.1	Menyediakan Insuran Workmanship Compensation dan Public liability bagi dua belas (12) bulan.	Pukal	L/S	-
1.2	Menyediakan laporan bergambar digital dan hardcopy bagi kerja sebelum, semasa dan selepas.	Set	2
1.3	Penyediaan tapak segala peralatan kerja keselamatan, termasuk papan tanda keselamatan, kon keselamatan, lampu keselamatan dan pakaian keselamatan.	Pukal	L/S	-
2.0	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN				
2.1	Merumpai dan Menggembur Pangkal Pokok Membekal dan menyediakan pekerja, perkakas bagi menjalankan kerja-kerja merumpai / merumput secara manual disekeliling dan dalam kawasan tanaman yang tidak diingini. Kemudian tanah tersebut hendaklah digemburkan seperti arahan pihak penguasa. (Satu (1) pusingan sebulan)	Nos	5,963
2.2	Pembajaan Membekal baja organik dan inorganik bagi melaksanakan kerja-kerja pembajaan dan menyediakan pekerja, perkakas serta lain-lain mengikut spesifikasi untuk tanaman pokok renek. (Satu (1) pusingan sebulan)	Nos	5,963
JUMLAH KECIL DIBAWA KE RINGKASAN				

BIL	PERIHAL/BAHAN	UNIT	KUANTITI	HARGA SEUNIT	JUMLAH SEBULAN
2.3	<p>Mencantas / Memangkas Pokok Menjalankan kerja- kerja membuang/ mencantas semua tunas air, ranting atau dahan yang mati, patah, sekah, diserang serangga/penyakit dan sebagainya. Cantasan hendaklah dibuat pada ketinggian yang dikehendaki dan sisa cantasan perlu dibersihkan dari tapak. (Satu (1) pusingan sebulan)</p>	Nos	131
2.4	<p>Andaman Pokok Renek (Pokok Renek Berbunga) Cantasan hendaklah dilakukan secara manual menggunakan gunting tanaman (Hand pruner) dengan membuang sulur air, ranting mati atau patah, daun kering dan membuang bunga atau buah yang telah kering atau matang. (Pokok Renek Pagaran) Cantasan hendaklah menggunakan mesin memangkas (Hedge Trimmer) mengikut bentuk yang diarahkan oleh Pegawai Penyelia. (Satu (1) pusingan sebulan)</p>	Nos	5,963
2.5	<p>Penyiraman Melaksanakan kerja- kerja penyiraman mengikut spesifikasi menggunakan sekurang- kurangnya Satu (1) lori tangki 1 tan lengkap (termasuk hos dan nozel) serta pekerja yang mencukupi bagi melaksanakan kerja-kerja penyiraman tanaman. (Dua (2) kali sehari setiap hari)</p> <p><i>Nota : Jika tanaman mati disebabkan faktor penyiraman, pemotongan bayaran akan dilaksanakan.</i></p>	Nos	5,963
2.6	<p>Pemotongan Rumput Membekal dan menyediakan pekerja yang mencukupi, peralatan, dan dan mesin bagi melaksanakan kerja-kerja pemotongan rumput. Rumput hendaklah dipotong dengan menggunakan kaedah yang diperakui oleh Pihak Pegawai Penyelia. Lalang dan lain-lain rumput rumpai mestilah dibuang akar umbinya supaya tidak merosakkan pertumbuhan rumput. kawasan mestilah dibersihkan selepas kerja-kerja pemotongan rumput. Semua rumput hendaklah dipotong pendek dan kemas sehingga memuaskan Pegawai Penyelia serta mengikut pusingan potongan. (Dua (2) pusingan sebulan)</p>	M2	16,364
JUMLAH KECIL DIBAWA KE RINGKASAN				

BIL	PERIHAL/BAHAN	UNIT	KUANTITI	HARGA SEUNIT	JUMLAH SEBULAN
2.7	<p>Pembersihan Kawasan</p> <p>Membekal dan menyediakan pekerja, peralatan serta mesin yang bersesuaian seperti blower dan sebagainya. Sampah sarap hendaklah dibersihkan dari masa ke semasa tanpa merosakkan tanaman lain, rumput dan struktur sedia ada termasuk laluan pejalan kaki, wakaf, bangku taman, tong sampah, alatan permainan kanak-kanak dan lain-lain. Selain itu, mengutip dan menyapu segala sampah sarap termasuk daun kering, ranting kayu, kertas, plastik, botol, kaca, bangkai binatang dan seumpamanya ke dalam beg plastik berwarna HIJAU diikat dan dibuang pada hari yang sama di tempat pembuangan sampah yang telah ditentukan oleh Pegawai Penyelia Tapak. (Setiap Hari)</p>	M2	13,232
3.0	<p>PENYELENGGARAAN LANDSKAP KEJUR</p> <p>Kontraktor dikehendaki menjalankan kerja- kerja penyelenggaraan kesemua jenis kotak tanaman/ pasu bunga dan laluan siar kaki termasuk alat permainan kanak- kanak. Kontraktor juga dikehendaki membaiki kekotak / pasu yang tumbang atau senget dan membuang rumput liar, daun semalu di laluan siar kaki atau dinding kekotak / pasu mengikut arahan penguasa. Kontraktor juga perlu membuang sampah sarap, batu- batu kecil, pecahan pasu akibat dilanggar kenderaan dan sebagainya seperti arahan Majlis. Rumpt yang menjalar di kawasan longkang dan kawasan penjalan kaki hendaklah dipotong / ditrim dengan kemas.</p>	Pukal	-	-
4.0	<p>PROVISIONAL SUM</p> <p>Kerja-kerja yang tidak melibatkan semua bidang kerja di para 1.0, 2.0 dan 3.0. Peruntukan item provisional sum samada untuk digunakan sepenuhnya atau sebahagian atau tidak digunakan langsung adalah berdasarkan kepada keperluan dan kadar harga semasa serta mendapat arahan Pegawai / Penyelia atau wakil Majlis. Ianya melibatkan kerja-kerja seperti memotong pokok teduhan, penanaman pokok, penyiraman pokok baru ditanam, pembajaan, pembersihan sampah haram dan lain-lain kerja yang diarahkan oleh Pegawai Penyelia/ Wakilnya yang dapat memberi kebaikan kepada pihak Majlis.</p>	Pukal	-	-	1,000.00
JUMLAH KECIL DIBAWA KE RINGKASAN				

SEBUTHARGA MDKL/JL/SH.28/2017

KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP DI DATARAN BANTING,
 LALUAN PEJALAN KAKI TAMAN CEMPAKA KE DATARAN BANTING,
 KAWASAN SEPANJANG JALAN SULTAN ALAM SHAH, JALAN KEMBOJA 33,
 PERSIARAN MAJLIS HINGGA KE SMK BANDAR BANTING, TAPAK PASAR
 TANI DAN TANDAS AWAM PERSIARAN MAJLIS, JALAN CEMPAKA HARUM 1,
 KUALA LANGAT

RINGKASAN HARGA

BIL	PERKARA	JUMLAH (RM)
	DI BAWA DARI MUKA SURAT	
1	2/5
2	3/5
3	4/5
	JUMLAH SEBULAN	
	JUMLAH SETAHUN	

RINGGIT MALAYSIA :

.....

.....

Tandatangan & Cop Kontraktor,

Tandatangan Saksi

.....

.....

Nama :
 No. K/P :
 Alamat :

Nama :
 No. K/P :
 Alamat :

No. Tel :
 Tarikh :

No. Tel :
 Tarikh :

(Sila sertakan salinan Sijil Pendaftaran Asal PKK/CIDB/KKM/SSM)

SPESIFIKASI

SPESIFIKASI KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP DAN KERJA-KERJA BERKAITAN

1. KAWASAN KERJA

Kawasan kerja didalam kontrak ini adalah seperti ditunjukkan di dalam pelan dan lampiran.

2. TEMPOH KONTRAK

Kontrak penyelenggaraan landskap dan pemotongan rumput ini berkuatkuasa bagi tempoh selama **SATU (1) TAHUN** dengan pilihan lanjutan (1) satu tahun lagi. Tarikh sebenar kontrak ini akan ditentukan seperti dalam surat tawaran.

3. PELARASAN HARGA

Pihak Majlis adalah berhak untuk menerima atau meminda sebahagian atau keseluruhan harga pecahan kerja yang ditawarkan oleh kontraktor didalam lampiran ringkasan kontrak tanpa mengubah jumlah keseluruhan harga kontrak yang ditawarkan oleh kontraktor.

4. KONTRAKTOR HENDAKLAH MENYEDIAKAN PEKERJA DAN PERALATAN

Kontraktor hendaklah membekalkan dan menyediakan semua pekerja, segala peralatan kerja, perkakas mesin, tanda jalan, pengangkutan dan lain-lain secukupnya sebagaimana yang perlu untuk penyelenggaraan yang memuaskan di kawasan kerja berkenaan. Semua peralatan hendaklah sentiasa dalam keadaan baik untuk membolehkan kerja-kerja dijalankan dengan lancar dan berterusan.

5. BILANGAN TENAGA KERJA

Pihak kontraktor perlu menyediakan pekerja yang mencukupi bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan kawasan landskap. Harga tawaran mereka hendaklah meliputi kos tambahan. Sekiranya objektif keindahan tidak dicapai atas sebab kurangnya pengalaman dan produktiviti kakitangan kontraktor perlulah ditambah bagi meningkatkan mutu kerja yang baik. Kos tambahan ini hendaklah ditanggung oleh kontraktor.

6. PAKAIAN SERAGAM

Kontraktor mestilah menyediakan sekurang-kurangnya 2 pasang pakaian seragam / jaket keselamatan untuk setiap pekerja iaitu termasuk baju dan seluar panjang, topi, sarung tangan dan kasut yang sesuai. Warna pakaian seragam (baju dan seluar) hendaklah warna yang berbeza dengan warna dan jenis pakaian seragam yang digunakan oleh Majlis Daerah Kuala Langat. Jenis dan warna pakaian seragam / jaket keselamatan hendaklah diluluskan oleh Majlis. Pemborong mestilah memastikan pekerja-pekerja memakai pakaian seragam / jaket keselamatan tiap-tiap hari semasa bekerja. Kegagalan mematuhi arahan pemakaian pakaian seragam / jaket keselamatan boleh dikenakan denda sebanyak RM 10.00 sehari seorang dan hari-hari berikutnya jika tidak dipatuhi.

7. BIDANG KERJA

Bidang-bidang kerja yang termasuk dalam kontrak ini adalah :

- a). Kerja-kerja permulaan dan persediaan.
- b). Permotongan rumput.
- c). Memangkas/mencantas pokok.
- d). Penyiraman pokok
- e). Pembersihan kawasan.
- f). Merumpai dan menggembur pangkal pokok.
- g). Penyelenggaraan landskap kejur.
- h). Andaman pokok renek
- i). Membaja

8. PENENTUAN DAN PUSINGAN KERJA

Kerja-kerja dalam perkara (7) hendaklah dilaksanakan seperti berikut :-

8.1 Kerja-kerja Permulaan dan Persediaan

- a). Menyediakan Polisi Insuran Pampasan Pekerja dan Insuran Tanggungan Awam.
- b). Menyediakan papantanda lalulintas secukupnya.
- c). Menyediakan jaket keselamatan dan lain-lain yang berkaitan.

8.2. Pemotongan Rumput

- a). Semua rumput hendaklah dipotong pendek dan kemas sehingga memuaskan Pegawai Penyelia serta mengikut pusingan pemotongan.
- b). Lalang dan lain-lain rumput rampai mestilah dibuang akar umbinya supaya ianya tidak merosakkan pertumbuhan rumput.
- c). Sampah potongan rumput yang bertaburan di kawasan kontrak dan di kawasan padang bola sepak, gelanggang permainan, ruang pejalan kaki dan lain-lain hendaklah disapu, dikumpul dan dimasukkan ke dalam beg plastik dan dibuangkan.
- d). Rumput yang menjalar di kawasan longkang dan kawasan pejalan kaki hendaklah dipotong/trim dengan kemas.
- e). Rumput yang tumbuh di celah-celah alat permainan seperti di tiang-tiang alat permainan, tiang lampu dan sebagainya hendaklah dipotong kemas. Rumput yang tumbuh ditiang gol hendaklah dipotong kemas.
- f). Rumput yang tumbuh dibahagian bawah alat-alat permainan, bawah kerusi/bangku, bawah meja, bawah pondok dan sebagainya hendaklah dipotong. Bagi rumput yang tumbuh diatas pejalan kaki (pavement), rumput semalu hendaklah dicabut dan dibuang. Lalang yang tumbuh dicelah-celah pagar padang permainan hendaklah dicabut sehingga ke akar umbinya.
- g). Kerja-kerja pemotongan rumput ini hendaklah dilakukan dua (2) kali sebulan dan tiga (3) kali sebulan bagi padang stadium Jugra.

8.3 Memangkas/Mencantas Pokok

- a). Cantasan hanya dikerjakan jika pokok-pokok telah tumbuh elok, subur dan daun telah rimbun. Cantasan perlu untuk membentuk pokok mengikut bentuk yang dikendaki oleh Pengawai Penguasa.
- b). Pokok perlu dicantas supaya sihat dengan membuang semua tunas air, ranting atau dahan yang mati, patah, sekah, diserang serangga/penyakit dan sebagainya.
- c). Pokok Renek
 - i). Pokok-pokok renek mestilah dibuat cantasan pada dahan-dahan yang kering.
 - ii). Pokok renek yang telah tumbuh tidak kemas atau tumbuh menghalang laluan perlulah dipangkas. Walaubagaimanapun rupabentuknya seharusnya dikekalkan dalam bentuk asli. Jenis pokok umbisi / bebawang seperti pokok canna dan heliconia hendaklah dipelihara dengan membuang daun-daun yang mati dan mencabut rumput-rumput yang tumbuh disekeliling pokok tersebut.
- d). Tanaman di kawasan komposisi
 - i). Semua tunas-tunas dan dahan-dahan yang tumbuh di kawasan tersebut hendaklah dipangkas pelepah pokok palma hendaklah dibuang jika ada. Pangkasan pokok teduhan hendaklah dilakukan satu kali sebulan.

8.4 Penyiraman Pokok

- i. Penyiraman pokok hendaklah dibuat 1 kali sehari waktu pagi terutama tanaman renek dan penutup bumi. Siraman tidak seharusnya dilakukan pada waktu tengahari kerana akan merosakkan tanaman.
- ii. Siraman mestilah bersungguh dengan menggunakan peralatan yang tertentu iaitu getah siraman yang berkepala dengan alat penyembur
- iii. Kerja-kerja penyiraman tidak seharusnya dilakukan pada hari hujan.

8.5 Pembersihan Sampah.

- ### 8.5.1 Kerja-kerja pembersihan sampah hendaklah dilakukan diseluruh kawasan kontrak ;
- a). Segala sampah sarap yang ada di kawasan kontrak hendaklah dikutip, dikumpulkan, dibungkus dan dibuang dengan menggunakan plastik sampah berwarna hijau.
 - b). Sampah yang ada di dalam tong sampah hendaklah dibuang. Penender juga bertanggungjawab untuk menggantikan beg plastik sampah pada semua tong sampah yang ada di dalam kawasan kontrak.
 - c). Kerja-kerja pembersihan ini hendaklah dilakukan pada tiap-tiap hari.
 - d). Segala sampah sarap yang dibuang oleh orang awam seperti perabot lama, tilam dan yang berkaitan hendaklah dibersihkan oleh pihak kontraktor dalam tempoh 24 jam.
 - e). Pihak pemborong hendaklah membuat saluran air sekiranya terdapat air bertakung atau saluran tersumbat. Segala lopak hendaklah ditambah dengan pasir.

8.6 Merumpai Dan Menggembur Pangkal Pokok.

- a). Pihak pemborong perlu menjalankan kerja- kerja merumput/ merumpai secara manual disekeliling pokok.
- b). Pihak pemborong juga perlu menggembur tanah di sekeliling pokok.

8.7 Penyelenggaraan Landskap Kejur

- a). Pihak pemborong dikehendaki membaiki kekotak / pasu tanaman yang tumbang atau senget.
- b). Segala rumput liar, daun semalu yang berada di laluan pejalan kaki atau dinding kekotak/ pasu tanaman perlu dicabut/ dibuang.
- c). Pihak pemborong juga dikehendaki membersihkan pasu pecah akibat dilanggar kenderaan.
- d). Rumput yang menjalar di kawasan longkang dan kawasan pejalan kaki hendaklah dipotong/trim dengan kemas.

9. **WAKTU PERKHIDMATAN**

- 9.1 Perkhidmatan penyelenggaraan akan dijalankan pada setiap hari (7 hari seminggu).
- 9.2 Waktu perkhidmatan adalah 24 jam dimana pihak Majlis berhak untuk mengarahkan pemborong bekerja mengikut waktu yang dirasakan perlu dan sesuai tanpa memberi kesan kepada harga kontrak.
- 9.3 Pihak pemborong dikehendaki bekerja lebih masa bagi menyiapkan keseluruhan kerja-kerja berjadual.
- 9.4 Semua kerja-kerja lebih masa yang disebabkan oleh kerja-kerja berjadual mesti mendapat kebenaran Pengurusan Majlis tanpa sebarang tambahan kepada nilai kontrak ini.

10. **MUTU PERKHIDMATAN**

- 10.1 Jadual Kerja penyelenggaraan kawasan landskap disediakan oleh pihak Majlis. Pihak kontraktor dikehendaki mengikut jadual yang disediakan sebagai panduan bagi kerja-kerja.
- 10.2 Kontraktor dikehendaki memastikan senitaman Majlis dalam keadaan yang terbaik dari segi rekabentuk, penjagaan dan kebersihan.
- 10.3 Demi menjaga mutu perkhidmatan ini, segala alasan kekurangan pekerja tidak dapat diterima. Kontraktor dikehendaki menggantikan setiap tenaga kerja yang cuti, sakit dan sebagainya bagi memastikan tahap minima pekerja dapat dipenuhi.
- 10.4 Kontraktor hendaklah mengemukakan senarai pekerja mereka kepada Pengurusan Majlis dua (2) minggu selepas mereka memulakan kerja dengan mengisi borang yang akan diedarkan kepada mereka.

11. KEPERLUAN PEKERJA

11.1 Pakaian Seragam

Setiap pekerja dikehendaki berpakaian seragam seperti yang ditetapkan oleh pihak Majlis.

11.1.1 Pakaian

Mestilah bersesuaian dengan kerja dan imej Majlis iaitu t-shirt (tertakluk kepada perubahan yang dipersetujui)

11.1.2 Kasut

Kasut dan berstokin.

11.1.3 Penggunaan baju hujan bagi kerja-kerja yang perlu dilaksanakan pada waktu hujan.

Semua pakaian seragam yang tersebut di atas hendaklah dipakai pada setiap ketika dan kelonggaran hanya diberi pada bulan pertama pelaksanaan kontrak ini. Segala kos yang berkaitan dengan pakaian seragam hendaklah ditanggung sendiri oleh kontraktor. Pakaian seragam yang dicadangkan adalah memastikan kakitangan berkenaan kemas, bersih dan berdisiplin pada setiap ketika.

11.2 Pekerja

Pihak kontraktor juga perlu memastikan pekerja mereka mempunyai adap dan sopan santun yang baik. Pengurusan Majlis tidak ingin kejadian yang boleh mencemarkan nama baik Majlis atas sebab-sebab pekerja yang bermoral rendah dan perilaku yang buruk.

12. MESIN DAN PERALATAN

12.1 Mesin dan peralatan

Kontraktor dikehendaki menggunakan mesin atau peralatan yang sesuai, lengkap dan mencukupi dalam menjalankan tugas harian mereka bagi menghasilkan kerja yang bermutu dan berkesan. Pengurusan Majlis tidak akan menerima alasan yang berkaitan dengan mesin dan peralatan atas penurunan prestasi kerja mereka.

12.2 Penjimatan penggunaan tenaga

Kontraktor adalah dikehendaki menggunakan peralatan dan mesin yang mempunyai ciri-ciri penjimatan tenaga. Disamping itu, kontraktor perlu berusaha bersungguh-sungguh menggunakan masa, tenaga dan mesin dengan optima tanpa pembaziran.

13. PENGGUNAAN TENAGA ELEKTRIK DAN AIR

Penggunaan tenaga elektrik dan air adalah dibawah tanggungan Pengurusan Majlis. Kontraktor hendaklah memastikan kemudahan ini digunakan dengan sebaiknya tanpa pembaziran. Paip air dan suis elektrik hendaklah ditutup selepas digunakan.

14. KEROSAKAN KE ATAS HARTA BENDA

Kontraktor adalah dinasihatkan bersifat amanah dan berhati-hati setiap masa menjalankan tugas. Langkah ini perlu bagi menjaga harta benda Majlis supaya tidak hilang atau mengalami kerosakan. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab bersama kontraktor dan Pengurusan Majlis memastikan kerja-kerja tersebut berjalan lancar tanpa merosakkan harta benda. Kontraktor juga dinasihatkan supaya mengambil skim insuran untuk melindungi kakitangan mereka dari tuntutan mana-mana pihak sekiranya berlaku kerosakkan harta benda atas kecuaiannya mereka.

15. KESELAMATAN

15.1 Kawalan keselamatan

Keselamatan kawasan Majlis adalah tanggungjawab Pengurusan Majlis. Segala kerja-kerja senggaraan senitaman di tempat atau di kawasan dianggap sulit perlu mendapat kelulusan Pengurusan Majlis dan pengawasan pengawal keselamatan.

15.2 Pemeriksaan keluar masuk

Pengurusan Majlis juga berhak melakukan pemeriksaan keselamatan ke atas kakitangan sekiranya perlu.

16. PEMBUANGAN SAMPAH

Segala sampah sarap senitaman hendaklah diisi ke dalam beg plastik berwarna hijau dan seterusnya mengangkut sampah tersebut ke tempat pelupusan sampah pada hari yang sama.

17. BANGKAI BINATANG DAN BENDA BERBAU BUSUK

Kesemua bangkai binatang dan lain-lain benda yang berbau busuk terdapat di dalam kawasan kerja hendaklah dibuang dengan serta merta di tapak pelupusan sampah yang dibenarkan.

18. PERKHIDMATAN

18.1 Kerja-kerja penyelenggaraan padang permainan dan padang bola

Kerja-kerja penyelenggaraan landskap perlu dilakukan dengan baik dan berkesan serta memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam Dokumen Perjanjian Kontrak. Pegawai Penguasa atau wakilnya berhak mengarahkan kontraktor untuk mengulang semula kerja-kerja tersebut sehingga ia benar-benar memuaskan dan sekiranya Pegawai Penguasa atau wakilnya masih lagi tidak berpuashati dengan kerja-kerja tersebut, Pengurusan Majlis berhak menyerahkan kerja-kerja tersebut kepada lain kontraktor dengan kos ditanggung oleh kontraktor sepenuhnya.

18.1.1 Pengukuhan pokok

Pihak kontraktor dikehendaki menjalankan kerja-kerja memancang dan mengikat pokok-pokok yang condong dan tumbang. Kerja-kerja pemeriksaan perlu dijalankan selepas hari hujan dan angin kencang.

18.1.2 Penggantian/Kerosakkan semasa penjagaan

- a). Kontraktor hendaklah membuang semua pokok (pokok utama, pokok renek dan penutup bumi) yang mati dan tidak sihat. Penggantian mestilah dari jenis atau golongan yang sama, saiz dan kualiti/mutu yang sama dan serupa dengan pokok yang dibuang, melainkan mendapat arahan dari Pengurusan Majlis.
- b). Kontraktor tidak akan bertanggungjawab untuk mengganti pokok-pokok yang mati atau rosak yang disebabkan oleh keganasan atau perbuatan jahat yang sengaja dibuktikan. Adalah menjadi tanggungjawab kontraktor untuk membuktikan bahawa kerosakkan atau kematian pokok adalah disebabkan oleh perbuatan jahat. Tuntutan bertulis kontraktor akan dipertimbangkan oleh Pengurusan Majlis dalam masa tiga (3) hari (hari bekerja) dari tarikh berlakunya kerosakkan tersebut.

18.1.3 Kebersihan am kawasan taman permainan dan padang bola

- a). Kontraktor hendaklah membuat kerja-kerja pembersihan dan pembuangan sampah tiap-tiap hari di sekitar batas tanaman, jeriji pokok, kawasan 'hard landscape', laluan masuk berjubin dan tempat rehat yang disediakan.
- b). Pembuangan sampah dari kawasan penanaman adalah termasuk juga pembuangan beg-beg plastik, tin/kotak minuman, kertas-kertas dan lain-lain.
- c). Sampah dari pokok utama dan pokok renek yang jatuh hendaklah disapu.
- d). Semua sampah sarap yang telah dikumpulkan hendaklah dibuang ke tempat pembuangan sampah.

18.1.4 Kerosakan disebabkan pekerja

- a). Kontraktor mestilah bertanggungjawab atas kerosakkan peralatan, sistem dan lain-lain milik Pengurusan Majlis atas kecuaiannya kakitangan mereka. Sekiranya kakitangan kontraktor perlu mengubah kedudukan sesuatu peralatan, ia harus dibuat cermat. Sila hubungi Pengurusan Majlis sekiranya perlu pengawasan.

18.1.5 Perancangan kerja

- a). Pihak Majlis menyediakan perancangan kerja harian. Kerja-kerja harian mestilah berpandukan perancangan tersebut. Lawatan bersama kontraktor dan Pegawai Penyelia dijalankan sekurang-kurangnya dua (2) kali sebulan pada minggu kedua dan minggu keempat bagi tujuan laporan pembayaran.

18.1.6 Disiplin pekerja

- a). Kontraktor perlu memastikan pekerja mereka berdisiplin tinggi. Pekerja lelaki tidak dibenarkan merokok di kawasan pejabat dan kawasan-kawasan yang ditegah merokok.

18.1.7 Tambahan pekerja/kerja lebih masa

- a). Pengurusan Majlis dari masa ke semasa mungkin memerlukan tambahan pekerja/kerja lebih masa bagi membuat kerja tambahan yang disebabkan oleh apa juga upacara di bangunan Majlis. Sekiranya kerja-kerja ini tidak bersangkutan/berkaitan dengan kerja-kerja senggaraan senitaman, pihak Pengurusan Majlis akan memasukkan kos tersebut dalam provisonal sump.

18.1.8 Arahan Pengurusan Majlis

- a). Pengurusan Majlis melalui kakitangan atau wakilnya akan dari masa ke semasa memberi arahan kepada kontraktor. Selagi arahan itu untuk kebaikan dan peningkatan keindahan senitaman, kontraktor hendaklah mematuhi dan ianya boleh dianggap sebagai sebahagian dari syarat-syarat perjanjian. Sekiranya arahan yang dibuat di luar skop kerja kontraktor dan memerlukan perbelanjaan, ia boleh dirujuk kepada Pengurusan Majlis untuk kelulusan.

18.1.9 Pindaan kawasan kerja

- a). Pengurusan Majlis berhak samada menurunkan atau mengurangkan kawasan kerja senggara senitaman oleh kontraktor. Ini akan diberitahu kepada kontraktor secara bertulis bagi menentukan kawasan dan tarikh berkuatkuasa pindaan berkenaan. Bayaran perkhidmatan yang baru boleh dirundingkan dengan Pengurusan Majlis.

18.1.10 Mematuhi keperluan pihak berkuasa

Dalam menjalankan kerja senggaraan senitaman, kontraktor dikehendaki mematuhi syarat-syarat dan undang-undang yang berkuatkuasa seperti:-

- a). Undang-undang buruh
- b). Akta Jabatan Kilang dan Jentera
- c). Undang-undang perlindungan alam sekitar
- d). Dan lain-lain undang-undang yang bersangkutan dengan kerja-kerja senggaraan senitaman dan pemotongan rumput.

18.1.11 Gangguan kepada orang ramai

- a) Kontraktor perlu mengambil langkah-langkah terperinci untuk memastikan kerja senggaraan senitaman yang dijalankan
- b) Hanya melibatkan/mengakibatkan gangguan yang paling minima kepada pengguna bangunan. Apabila siap segala kerja-kerja senggaraan senitaman semua peralatan hendaklah disimpan dengan segera.
- c) Kontraktor juga tidak dibenarkan membaca, memungkah sebarang buku, dokumen, peralatan dan sebagainya yang terdapat di dalam bangunan untuk kemudahan mereka kecuali dengan mendapat kelulusan Pengurusan Majlis.
- d) Kakitangan kontraktor tidak dibenarkan memasuki kawasan-kawasan yang tidak termasuk di dalam kawasan kerja senggaraan senitaman. Mereka juga tidak dibenarkan berlegar-legar di kawasan seperti ruang legar bangunan tanpa tujuan.
- e) Kontraktor juga mesti bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakkan, kemalangan atas kehilangan yang disebabkan oleh kecuaiannya kakitangan kontraktor semasa menjalankan tugas harian mereka ataupun menggunakan bahan kimia yang salah dan lain-lain kecuaiannya.

18.1.12 Kawalan pekerja

- a) Kontraktor dari semasa ke semasa dikehendaki menghantar senarai nama pekerja mereka sekiranya terdapat kakitangan mereka yang meletakkan jawatan.
- b) Pekerja kontraktor tidak dibenarkan memabawa kawan-kawan yang bukan pekerja berlegar-legar di kawasan bangunan bagi mengurangkan masalah keselamatan.

- c) Jika pihak Pengurusan Majlis mempunyai sebab-sebab yang munasabah ke atas kecuaiannya atau kegagalan mana-mana pekerja yang tidak menjalankan tugas dengan baik atau berkelakuan tidak senonoh, Pengurusan Majlis berhak mengarahkan kontraktor menukar pekerja berkenaan.
- d) Pekerja-pekerja juga dikehendaki mematuhi arahan, keselamatan yang dikeluarkan oleh Pengurusan Majlis dari semasa ke semasa. Semua arahan yang dikeluarkan oleh Pengurusan Majlis dengan keperluan dalam bangunan adalah merupakan syarat dalam kontrak ini.

18.1.13 Tuntutan gantirugi

Kontraktor tidak boleh menuntut sebarang gantirugi daripada Pengurusan Majlis. Ini samada melalui mahkamah, saman atau upacara sekalipun bagi semua bentuk kemalangan, kehilangan, kecederaan, kerosakkan harta benda kontraktor dan lain-lain atas sebab kecuaiannya pekerja-pekerja, wakil atau orang suruhan yang dilantik oleh kontraktor.

19. **PENGGUNAAN RACUN RUMPAI**

Penggunaan racun rumpai adalah dilarang dan penggunaan racun mestilah mendapat kebenaran terlebih dahulu dari pihak Majlis.

20. **PENYELIAAN DAN PENILAIAN KERJA**

Penyeliaan dan penilaian kerja adalah tertakluk kepada perkara-perkara berikut:-

20.1 Penyeliaan kerja

Kerja-kerja hendaklah dijalankan seperti didalam penentuan kerja dan seperti yang diarahkan oleh Pegawai Penguasa atau wakilnya, dimana apa-apa keputusan yang berkaitan dengan kerja adalah muktamad dan terikat dalam kontrak.

20.2 Pemeriksaan di tapak

Kesemua jenis kerja yang telah siap dilaksanakan hendaklah diperiksa bersama antara Pegawai Penyelia atau wakilnya dengan Pengurus Syarikat atau wakilnya bagi tujuan penilaian dan pengesahan siap kerja pada setiap kali pusingan kerja yang ditetapkan. Pihak kontraktor dikehendaki menyiapkan semua kerjanya pada hari terakhir setiap pusingan kerja. Mana-mana kerja yang belum disiapkan, pihak kontraktor akan diberi tempoh selama **DUA HARI** untuk menyiapkan dan sekiranya pihak kontraktor gagal untuk menyiapkan dalam tempoh tersebut, maka pihak Majlis akan memotong harga kontrak mengikut nilai harga kerja seperti di dalam Jadual Kadar Harga ke atas kerja-kerja yang tidak disiapkan.

21. **WAKIL KONTRAKTOR, KEMAJUAN KERJA DAN KERJA-KERJA KECEMASAN**

- 21.1 Kontraktor hendaklah menggajikan seorang wakil yang berkelayakkan dan berkebolehan dimana ia boleh di dalam apa-apa keadaan mewakili kontraktor semasa ketiadaan dan dianggap telah diberi kepada kontraktor. Wakil tersebut mestilah bertutur dan memahami Bahasa Malaysia.

Kontraktor atau wakilnya hendaklah datang ke pejabat Pegawai Penyelia pada tiap-tiap hari Isnin untuk melaporkan kemajuan kerja dan untuk menerima arahan daripada Pegawai Penyelia berhubung dengan kerja-kerja tersebut.

- 21.2 Kontraktor hendaklah sentiasa mempunyai pekerja dan peralatan yang siap sedia untuk dipanggil bekerja semasa kerja-kerja kecemasan seperti dikehendaki oleh Pegawai Penyelia. Ia hendaklah memulakan kerja dengan serta merta selepas menerima arahan (lisan dan bertulis) daripada Pegawai Penyelia.

- 21.3 Jika Kontraktor/wakil tidak dapat dihubungi melalui telefon bimbit atau telefon pejabat pihak Majlis berhak mengambil semua tindakan yang sewajarnya dan segala perbelanjaan akan ditanggung oleh pihak kontraktor sepenuhnya.
- 21.4 Kegagalan pihak kontraktor berbuat demikian akan dikenakan tindakan sewajarnya.
- 21.5 Kontraktor hendaklah melantik seorang penyelia untuk mewakili kontraktor dalam urusan kerja-kerja harian di kawasan penyelenggaraan landskap.

22. HALANGAN DAN KACAU GANGGU

- 22.1 Kontraktor hendaklah mengurangkan halangan dan kacau ganggu semasa pelaksanaan kerja. Ia hendaklah memberikan pertimbangan terhadap harta benda awam atau Majlis yang berdekatan dengan kawasan kerja.
- 22.2 Kontraktor tidak boleh melencongkan perjalanan lalulintas kecuali setelah mendapat kebenaran Pegawai Penguasa/wakilnya.
- 22.3 Papantanda keselamatan yang mencukupi hendaklah diletakkan di kawasan kerja untuk memberi amaran kepada pengguna jalanraya pada setiap masa kerja-kerja dijalankan dan diletakkan di tempat yang sesuai seperti yang diarahkan oleh Pegawai Penguasa/wakilnya

23. KECEDERAAN KEPADA ORANG AWAM DAN KEROSAKAN HARTA BENDA

Kontraktor hendaklah bertanggungjawab dan hendaklah melepaskan tanggungan Majlis dalam apa-apa perbicaraan yang timbul dibawah mana-mana 'Statut' atau 'Common Law' dalam bentuk kecederaan tubuh badan atau mana-mana kematian yang timbul atau semasa bekerja atau dengan alasan menyempurnakan kerja dengan syarat ianya adalah akibat daripada kecuaiian, kelalaian atau kemungkiran wakilnya atau oleh mana-mana pemborong kecil, pekerjanya atau wakilnya.

Kontraktor hendaklah bertanggungjawab dan hendaklah melepaskan tanggungan Majlis untuk apa-apa tanggungan, kerugian, tuntutan atau perbicaraan yang timbul atau kerosakkan yang mana berkaitan ke atas hartanah (real property) atau harta diri (personal property) yang timbul atau semasa kerja-kerja dengan atau dengan alasan menyempurnakan kerja-kerja dengan syarat ianya adalah akibat apa-apa kecuaiian, kelalaian atau kemungkinan oleh pemborong, pekerjanya atau pemborong kecil, pekerjanya atau wakilnya.

Pihak kontraktor dikehendaki bertanggungjawab atas segala kerosakan akibat kecuaiian semasa melaksanakan kerja atau apa-apa tuntutan daripada pihak ketiga. Sekiranya gagal, majlis berhak membuat penolakan daripada bayaran bulanan untuk menyelesaikan tuntutan tersebut.

24. DENDA

Denda dikeluarkan setelah kerja-kerja berikut gagal dilaksanakan:

24.1 Kerja tidak siap

Kerja-kerja tidak disiapkan mengikut jadual kerja yang telah diberi.

24.2 Pembuangan sampah

Kegagalan menjalankan kerja-kerja seperti di dalam perkara 16, menyebabkan Majlis akan menghantar lori-lori sampahnya untuk mengutip sampahnya untuk mengutip sampah sarap berkenaan dan kontraktor akan dikenakan denda untuk setiap hari penghantaran lori-lori berkenaan.

24.3 Kegagalan Menghadiri Mesyuarat

Kontraktor akan dikenakan denda sebanyak RM 100.00 pada setiap kali gagal menghadiri mesyuarat yang diadakan oleh pihak Majlis berhubung dengan kerja-kerja kontrak setelah diberi notis secara lisan atau bertulis tanpa sebarang sebab yang munasabah.

24.4 Penyediaan Karung Plastik

Kegagalan pemborong untuk menyediakan karung plastik di dalam tong sampah atau selonggok sampah.

24.5 Laporan kerja

Pihak pemborong dikehendaki menghantar laporan kerja bergambar kepada Majlis pada/sebelum 5 haribulan berikutnya.

24.6 Kerja-kerja segera/kecemasan

Kegagalan kontraktor melaksanakan kerja-kerja segera/kecemasan dalam tempoh 24 jam setelah diarahkan samada secara lisan ataupun bertulis.

24.7 Tidak menghadiri pemeriksaan di tapak

Kegagalan kontraktor untuk menghadiri pemeriksaan bersama di antara kontraktor dan wakil Pegawai Penguasa pada setiap hujung pusingan.

24.8 Tidak menyediakan pekerja dengan mencukupi

Kegagalan kontraktor menyediakan tenaga kerja yang mencukupi.

24.9 Aduan

Segala aduan awam yang disampaikan kepada Pemborong atau wakilnya hendaklah diambil tindakan sebelum atau sesudah pusingan kerja pemborong. Penyelesaian aduan hendaklah dilaksanakan dalam tempoh 5 jam mulai aduan itu diterima pada hari yang sama.

24.10 Tiada pakaian seragam/ jaket keselamatan

Kegagalan kontraktor untuk menyediakan pakaian seragam / jaket keselamatan kepada pekerja.

24.11 Bangkai haiwan tidak dibuang

Kegagalan kontraktor untuk membuang bangkai haiwan di kawasan penyelenggaraan masing- masing.

25. **KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA**

Jika Kontraktor gagal menyiapkan kerja dalam jangkamasa yang ditetapkan atau lanjutan masa yang diberi dan pada pendapat Pegawai Penguasa, kerja tersebut perlu disiapkan, Majlis mempunyai hak untuk mengambil orang lain bekerja untuk menyiapkan kerja tersebut. Kos dan perbelanjaan yang dikeluarkan untuk menyiapkan kerja tersebut akan ditanggung oleh kontraktor dan Majlis akan menolak daripada apa-apa bayaran yang sepatutnya dibuat kepada kontraktor. Keputusan Pegawai Penguasa untuk mengambil orang lain bekerja untuk tugas menyiapkan tidak akan mengubah tanggungjawab kontraktor.

26. PENAMATAN KONTRAK OLEH PEGAWAI PENYELIA

- 26.1 Jika pemborong ada didapati membuat sebarang kesalahan seperti di bawah ini:-
- a). Tanpa sebarang sebab, semua kerja ditangguh sebelum tarikh penyiapan.
 - b). Gagal meneruskan kerja-kerja dengan sebab-sebab yang tidak munasabah.
 - c). Membiarkan notis bertulis dari Pegawai Penyelia untuk mengalihkan barang-barang atau menyiapkan kerja-kerja yang terbengkalai selepas tujuh (7) hari penerimaan notis.
- 26.2 'Bankrup' atau syarikat ditukar milik
- a). Mengalami keadaan 'bankrup'.
 - b). Tidak dapat membayar hutang dan membuat tukar milik kepentingan pihak peminjam atau :
 - c). Memecahkan kontrak-kontrak kecil tanpa kebenaran
- 26.3 Berikut dengan situasi di atas maka :
- a). Pegawai Penguasa akan mengambil tindakan berdasarkan perkara 27 atau
 - b). Pegawai Penguasa akan mengambil tindakan penamatan kontrak dengan mengeluarkan Notis Peringatan Pertama dalam tempoh 14 hari diikuti dengan Notis Peringatan Kedua dalam tempoh 14 hari selepas itu dan Surat Penamatan akan dikeluarkan dan ditandatangani oleh Pegawai Penguasa.

27. KESAN PERANG, RUSUHAN, BANJIR DAN LAIN-LAIN

Jika dalam tempoh kontrak ini dijalankan, berlaku rusuhan, gempa bumi, banjir, mogok dan lain-lain bencana dimana melibatkan kontrak ini yang akan mengganggu perjalanan kontrak maka sebarang persoalan yang timbul mengenai permusuhan/penggantungan kontrak ini akan diselesaikan melalui perjanjian berasingan antara Pegawai Penguasa dan kontraktor.

28. PEMBUBARAN KONTRAK

- 28.1 Kontrak boleh ditamatkan oleh mana-mana pihak dengan notis selama dua (2) bulan tanpa sebarang sebab. Di dalam perkara ini, pemborong akan dibayar mengikut kerja-kerja yang telah siap hingga ke tarikh penamatan.
- 28.2 Kontrak boleh ditamatkan oleh pihak Majlis dengan notis selama empat belas (14) hari jika pemborong gagal menyiapkan kerja setelah menerima notis lebih dari satu (1) kali menurut perkara (25) dan (26). Dalam keadaan ini, pemborong akan kehilangan wang cagaran jaminan yang dibayar kepada Majlis. Notis bertulis akan dihantar kepada pemborong secara pos berdaftar berdasarkan kepada alamat kepada alamat kediaman/pejabat terakhir pemborong.

29. 'STAMP DUTY'

'Stamp duty' jika ada akan ditanggung oleh pihak pemborong.

30. PENGUBAHSUAIAN KAWASAN

Memandangkan bahawa setengah kawasan akan dinaiktarafkan maka adalah perlu untuk dibuat pengubahsuaian kawasan dan bidang kerja ke atas kontrak yang dijalankan. Kesemua perubahan akan dikenalpasti bersama dengan pihak kontraktor dan surat notis yang berkuatkuasa selama empat belas (14) hari, akan diberi kepada kontraktor untuk membuat penilaian terhadap perubahan tersebut dan segala bentuk pembayaran yang berikut akan dibayar mengikut kerja seperti dipersetujui bersama.

31. LAIN-LAIN SYARAT

- 31.1 Pengurusan Majlis tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kos tambahan yang disebabkan oleh kenaikan barang atau tenaga kerja yang ditanggung oleh kontraktor dari masa ke semasa. Ini termasuk kenaikan harga pasaran atau keperluan lain dalam kerja senggaraan senitaman.
- 31.2 Sepanjang kontrak ini berjalan, kontraktor dibenarkan berurusan dengan pengurusan Majlis samada untuk mengemukakan masalah kerja atau mencadangkan apa-apa perancangan kerja.
- 31.3 Kontraktor dinasihatkan supaya berhubung dengan pengurusan Majlis melalui wakil yang dilantik dari masa ke semasa bagi membincangkan segala aduan atau perancangan yang berhubung dengan kerja penyelenggaraan landskap.
- 31.4 Kontraktor juga tidak dibenarkan membakar atau membawa bahan yang mudah terbakar di kawasan persekitaran mahupun dalam bangunan.
- 31.5 Sebarang pertanyaan dan masalah yang timbul boleh hubungi En. Hendra Faizal Jabatan Landskap, MDKL

RINGKASAN DENDA YANG DIKENAKAN

<u>BIL.</u>	<u>PERKARA</u>	<u>KADAR HARGA</u>
1.	Tidak siap kerja	Sehingga 100% dari jumlah keseluruhan potongan
2.	Sampah tidak dibuang	RM 100.00/Hari
3.	Tidak hadir mesyuarat	RM 200.00/Hari
4.	Tiada karung plastik	RM 50.00/longgok
5.	Tiada pelaksanaan kerja kecemasan	RM 300.00/arahan
7.	Tidak menghadiri pemeriksaan tapak	RM 100.00/pemeriksaan
8.	Kurang pekerja	RM 30.00/orang/hari
9.	Tiada pakaian seragam	RM 10.00/orang/hari
10.	Bangkai binatang tidak dibuang pada hari yang sama	RM 50.00/seekor/hari
11.	Aduan yang didapati benar disebabkan kerja-kerja tidak dibuat oleh kontraktor	RM 50.00/sekali

PELAN KAWASAN PENYELENGGARAAN



TITLE :

PERSIMPANGAN JALAN HADAPAN
SEKOLAH JALAN SULTAN ABDUL SAMAD



JABATAN
LANDSKAP

DRAWN BY

CHECKED BY

DATE

6 NOVEMBER 2013

SCALE

NOT TO SCALE

DRAWING NO

ARKITEK LANDSKAP



TITLE :

SEPANJANG JALAN SULTAN ALAM SHAH,
JALAN KEMBOJA 33, PERSIARAN MAJLIS
HINGGA TAMAN KEMUNING DAN TAMAN
BUDIMAN, JALAN CEMPAKA HARUM 1



JABATAN
LANDSKAP